



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wang simpanan RM60,000 lesap diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 25 May 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 20

# Wang simpanan RM60,000 lesap diperdaya Macau Scam

**Sindiket menyamar pekerja pejabat pos, pegawai polis tuduh terbabit ubah wang haram**

Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
bhnews@bh.com.my

**Teluk Intan:** Seorang pesara kerugian RM60,000 selepas menjadi mangsa penipuan bungkusan oleh individu yang menyamar wakil Pos Malaysia Berhad.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri, berkata lelaki warga emas berusia 72 tahun itu mendakwa menerima panggilan telefon daripada individu itu pada 11 Mei lalu yang memak-

lumkan ada bungkusan milik mangsa yang tidak dituntut.

Katanya, bungkusan itu didakwa mengandungi kad pengenalan, kad pengeluaran tunai mesin juruwang automatik (ATM) dan cek atas nama mangsa.

"Mangsa tidak mengaku barang berkenaan miliknya dan kemudian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah, kononnya ada barang terlarang dalam bungkusan itu.

"Mangsa dituduh terbabit dengan pengubahan wang haram dan kes dadah sebelum diminta menyerahkan butiran akaun miliknya bagi mengelakkan duit simpanan dalam akaunnya dibekukan Bank Negara," katanya semalam.

Ahmad Adnan berkata, selepas menyerahkan maklumat berkenaan kepada sindiket terbabit, mangsa kemudian diminta memindahkan wang dalam akaunnya ke akaun diberikan suspek.

"Mangsa membuat transaksi RM30,000 ke dua akaun keldai diberikan sindiket pada 19 dan 20 Mei lalu membabitkan kerugian RM60,000.

"Lelaki warga emas itu kemudiannya menyedari dirinya teripu sebelum membuat laporan polis pada jam 3.55 petang, semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai diingatkan supaya tidak mudah percaya kepada panggilan telefon yang diterima dari nombor tidak kenali dan tidak melayannya bagi mengelakkan terpedaya dengan sindiket Macau Scam," katanya.

**Mangsa dituduh terbabit dengan pengubahan wang haram dan kes dadah sebelum diminta menyerahkan butiran akaun miliknya bagi mengelakkan duit simpanan dalam akaunnya dibekukan Bank Negara**

**Ahmad Adnan Basri,**  
Ketua Polis Daerah Hilir Perak

